



KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
Director General of Education Malaysia
ARAS 8, BLOK E8
Level 8, Block E8
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
Government Complex Parcel E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
Federal Government Administrative Centre
62604 PUTRAJAYA

Tel: 03-8884 6077
Faks: 03-8889 4548
Laman Web: www.moe.gov.my

KPM.ELTC.500-6/3/5 (32)

17 Oktober 2019

Semua Ketua Bahagian
Semua Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri

(Seperti Senarai Edaran)

YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan,

TAWARAN ONE-OFF SECARA PERCUMA UNTUK MENGENAL PASTI TAHAP KESEDIAAN (CEFR-READINESS) PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN OPSYEN BAHASA INGGERIS KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA BERDASARKAN COMMON EUROPEAN FRAMEWORK OF REFERENCE FOR LANGUAGES

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Selaras dengan hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dan *The Roadmap* 2015-2025, semua Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) opsyen Bahasa Inggeris (BI), iaitu pendidik murid (guru dan pentadbir) perlu berada pada tahap penguasaan minimum *Common European Framework of Reference for Languages* (CEFR) C1 (MUET Band 5). *The Roadmap* juga menyatakan bahawa PPP opsyen BI yang bertugas sebagai pendidik guru (pensyarah) dan pegawai perlu berada pada tahap CEFR C2 (MUET Band 6).

3. Untuk makluman YBhg. Datuk/Dato'/Dr./tuan/puan, Mesyuarat Jemaah Menteri (MJM) pada 31 Julai 2019 telah bersetuju dengan pelaksanaan penguasaan bahasa Inggeris berdasarkan piawaian CEFR dalam kalangan **PPP opsyen BI** yang berkhidmat di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Mesyuarat memutuskan bahawa PPP opsyen BI dalam kalangan pendidik murid (guru dan pentadbir) perlu mencapai tahap penguasaan minimum CEFR C1 (MUET Band 5) manakala PPP opsyen BI dalam kalangan pendidik guru (pensyarah) dan pegawai yang membimbing guru pula perlu mencapai tahap penguasaan CEFR C2 (MUET Band 6) (rujuk **Lampiran 1**). Pihak KPM dipertanggungjawabkan untuk memastikan semua PPP opsyen BI yang berkaitan mencapai tahap kesediaan CEFR seperti yang ditetapkan.

4. Sehubungan dengan itu, KPM telah mengambil inisiatif untuk menawarkan secara **percuma dan one-off ujian** profisiensi untuk mengenal pasti CEFR-*Readiness* semua PPP opsyen BI. Ujian CEFR *Readiness* tersebut akan dikelolakan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM). Kumpulan PPP opsyen BI yang perlu mengambil ujian profisiensi tersebut adalah seperti berikut:

- 4.1 semua PPP opsyen BI yang bertugas di sekolah, JPN, PPD dan bahagian KPM;
- 4.2 semua PPP opsyen BI yang belum mengetahui tahap CEFR; dan
- 4.3 semua PPP opsyen BI yang masih belum mencapai tahap penguasaan yang telah ditetapkan (CEFR C1/C2).

5. Walau bagaimanapun, kumpulan PPP opsyen BI yang berikut **TIDAK PERLU** menduduki ujian profisiensi untuk mengenal pasti CEFR-*Readiness*:

- 5.1 telah berada pada tahap CEFR C1 atau C2;
- 5.2 telah menduduki ujian *Malaysian University English Test (MUET)* sejak tahun 2012 dan berada pada Band 5 atau Band 6; dan
- 5.3 akan bersara wajib dalam masa dua tahun dari 1.1.2020

Semua **PPP bukan opsyen BI yang mengajar Bahasa Inggeris** juga digalakkan untuk menduduki ujian CEFR-*Readiness* yang ditawarkan secara percuma ini bagi mengetahui tahap CEFR bahasa Inggeris masing-masing.

6. Untuk makluman YBhg.Datuk/Dato'/Dr./tuan/puan, pendaftaran untuk menduduki *CEFR-Readiness* adalah melalui portal MPM (apps.mpm.edu.my/cefr/public/register) mulai **5 November hingga 15 Disember 2019**. Tatacara pendaftaran adalah seperti di **Lampiran 2**. PPP opsyen BI diberi keistimewaan untuk memilih sama ada mahu menduduki ujian pada tarikh ujian CEFR *Readiness* Kumpulan 1 atau Kumpulan 2 pada tahun 2020 berdasarkan tarikh yang telah ditetapkan seperti yang berikut (tidak boleh menukar Kumpulan yang dipilih selepas pendaftaran dalam sistem telah berjaya dihantar):

KOMPONEN	TARIKH	
	KUMPULAN 1	KUMPULAN 2
Kemahiran Penulisan (<i>Listening, Reading and Writing</i>)	22 Februari 2020	18 Julai 2020
Kemahiran Pertuturan (<i>Speaking</i>)	26, 27, 28 Februari 2020 dan 2 Mac 2020 (tiada ujian di negeri yang bercuti pada 28.2.2020)	13,14,15, dan 16 Julai 2020

7. Semua PPP opsyen BI yang mendaftar bagi tawaran **one-off** ini **WAJIB HADIR** pada tarikh yang telah dipilih. Pendaftaran untuk menduduki CEFR-*Readiness* hanya boleh dibuat di dalam negeri tempat PPP opsyen BI bertugas sahaja dan tidak dibenarkan untuk menduduki CEFR-*Readiness* di negeri lain selain dari negeri tempat PPP opsyen BI tersebut bertugas. Sekiranya PPP opsyen BI tidak dapat hadir pada tarikh yang ditetapkan, mereka dikehendaki mengemukakan **Surat Tunjuk Sebab** kepada Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia (KPPM). PPP opsyen BI juga boleh menyemak tahap CEFR mereka dalam tempoh lapan (8) minggu selepas tarikh pentaksiran melalui portal MPM www.mpm.edu.my.

8. Pengetua/Pengarah sekolah/Kolej Matrikulasi/Kolej Vokasional yang berkenaan hendaklah membenarkan sekolah/Kolej Matrikulasi/Kolej Vokasional dijadikan pusat ujian CEFR-*Readiness* sekiranya sekolah/Kolej Matrikulasi/Kolej Vokasional yang berkenaan dipilih sebagai pusat ujian CEFR-*Readiness* oleh Jabatan Pendidikan Negeri (JPN)/MPM.

9. **Peluang mengulang ujian profisiensi CEFR-*Readiness* mengikut komponen** (Kemahiran Bertutur /Kemahiran Mendengar /Kemahiran Membaca /Kemahiran Menulis) bagi tujuan memperbaiki keputusan juga ditawarkan kepada semua PPP opsyen BI yang mendaftar untuk tawaran **one-off** CEFR-*Readiness*. Namun demikian, calon hanya dibenarkan untuk **mengulang** dalam **satu hingga tiga komponen sahaja** dan pendaftaran untuk menduduki ujian ulangan tersebut adalah **di bawah pembiayaan sendiri**. Maklumat lanjut berhubung tarikh pendaftaran ujian ulangan CEFR *Readiness* boleh dirujuk di portal MPM www.mpm.edu.my. Pengambilan **Cuti Tanpa Rekod** bagi menghadiri sesi berkenaan adalah tertakluk kepada Perintah Am 44 dan 57 Bab C atau Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9/1991.

10. Sehubungan dengan itu, English Language Teaching Centre (ELTC) memerlukan **maklumat PPP opsyen BI daripada Bahagian KPM, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah** (rujuk **Lampiran 4**) yang akan menduduki ujian profisiensi CEFR-*Readiness* daripada pihak YBhg.Datuk/Dato'/Dr./tuhan/puan. Maklumat tersebut perlu dihantar ke ELTC melalui alamat e-mel **chithra.adiyodi@eltc.edu.my** pada atau sebelum **30 Oktober 2019**.

11. Berkaitan dengan itu juga, PPP opsyen BI yang telah mencapai mencapai tahap penguasaan minimum CEFR C1 (MUET Band 5) atau CEFR C2 (MUET Band 6) **tidak** boleh menolak untuk menjadi pemeriksa/petugas ujian CEFR-*Readiness* sekiranya menerima surat tawaran pelantikan sebagai pemeriksa/petugas ujian CEFR *Readiness* dari JPN/MPM.

12. Bagi mendapatkan maklumat lanjut berkaitan CEFR-*Readiness*, bersama-sama ini disertakan **senarai soalan lazim** (rujuk **Lampiran 3**) yang juga boleh dirujuk di portal ELTC www.eltc.edu.my. Untuk sebarang penjelasan yang lebih terperinci berkaitan dengan perkara di atas, pihak YBhg.Datuk/Dato'/Dr./tuan/puan boleh menghubungi **Puan Sarina Salim** melalui telefon di talian **06-7979193** (sarinasalim@eltc.edu.my) atau **Dr. Chithra Adiyodi** melalui telefon di talian **06-7979168** (chithra.adiyodi@eltc.edu.my).

Segala perhatian dan kerjasama yang diberikan oleh pihak YBhg.Datuk/Dato'/Dr./tuan/puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



DATUK Dr. AMIN BIN SENIN
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia

SENARAI EDARAN

1. **REKTOR**
INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
ARAS 1-3, BLOK 2250
JALAN USAHAWAN 1
63000 CYBERJAYA
SELANGOR DARUL EHSAN
2. **PENGARAH**
BAHAGIAN PEMBANGUNAN KURIKULUM
ARAS 4-8, BLOK E9, KOMPLEKS E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62604 PUTRAJAYA
3. **PENGARAH**
LEMBAGA PEPERIKSAAN
ARAS 1,2,5 - 13, BLOK E11, KOMPLEKS E,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,
62604 PUTRAJAYA
4. **PENGARAH**
BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH HARIAN
ARAS 3 & 4, BLOK E2, KOMPLEKS E,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62604 PUTRAJAYA
5. **PENGARAH**
BAHAGIAN PENDIDIKAN ISLAM
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
ARAS BAWAH DAN ARAS 2,
NO. 2251, JALAN USAHAWAN 1,
63000 CYBERJAYA,
SELANGOR DARUL EHSAN
6. **PENGARAH**
BAHAGIAN PENDIDIKAN TEKNIK & VOKASIONAL
ARAS 5 DAN 6, BLOK E14, KOMPLEKS E,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,
62604 PUTRAJAYA
7. **PENGARAH**
BAHAGIAN PREFESIONALISME GURU
ARAS 2 - 6, BLOK E13, KOMPLEKS E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62604 PUTRAJAYA
8. **PENGARAH**
INSTITUT AMINUDDIN BAKI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA,
KOMPLEKS PENDIDIKAN NILAI,
71760 BANDAR ENSTEK
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
9. **KETUA NAZIR SEKOLAH**
JEMAAH NAZIR
ARAS 3-6, BLOK E15, KOMPLEKS E
PUSAT PENTADBIRAN PUTRAJAYA
62604 PUTRAJAYA

- 10. PENGARAH**
BAHAGIAN MATRIKULASI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
ARAS 6 & 7, BLOK E 15, KOMPLEKS E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62604 PUTRAJAYA
- 11. PENGARAH**
BAHAGIAN SUMBER DAN TEKNOLOGI PENDIDIKAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
PESIRAN BUKIT KIARA
50604 KUALA LUMPUR
- 12. PENGARAH**
BAHAGIAN PENDIDIKAN KHAS,
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA,
ARAS 2, BLOK E2, KOMPLEKS E,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,
62604 PUTRAJAYA
- 13. PENGARAH**
BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH BERASRAMA PENUH
ARAS 3, BLOK 2251, JALAN USAHAWAN 1
63000 CYBERJAYA
SELANGOR DARUL EHSAN
- 14. PENGARAH**
BAHAGIAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN KESENIAN
ARAS 7, BLOK E13, PARCEL E,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62604 PUTRAJAYA
- 15. PENGARAH**
BAHAGIAN PENDIDIKAN SWASTA,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA,
ARAS 3, BLOK E2, KOMPLEKS E,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,
62604 PUTRAJAYA
- 16. KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**
UNIT PELAKSANAAN & PRESTASI PENDIDIKAN (PADU)
ARAS 3 BLOK E9 KOMPLEKS E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62604 PUTRAJAYA
- 17. PENGARAH**
BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN DASAR PENDIDIKAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
ARAS 1-4, BLOK E8, KOMPLEKS E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62604 PUTRAJAYA

Senarai Edaran

1. **Pengarah**
Jabatan Pendidikan Negeri Selangor
Jalan Jambu Bol 4/3E, Seksyen 4
40604 Shah Alam
SELANGOR DARUL EHSAN
2. **Pengarah**
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin,
50604 Kuala Lumpur,
MALAYSIA
3. **Pengarah**
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya
Aras 7, Lobi 2, Blok E2,
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62604 PUTRAJAYA,
MALAYSIA
4. **Pengarah**
Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan
Jalan Dato' Hamzah
70990 Seremban
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
5. **Pengarah**
Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan
Bandar Baru Tunjong,
16010, Kota Bharu,
KELANTAN DARUL NAIM
6. **Pengarah**
Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu
Jalan Bukit Kecil
20604 Kuala Terengganu
TERENGGANU DARUL IMAN
7. **Pengarah**
Jabatan Pendidikan Negeri Pahang
Bandar Indera Mahkota
25604 Kuantan
PAHANG DARUL MAKMUR
8. **Pengarah**
Jabatan Pendidikan Melaka
Jalan Istana,
75450 Bukit Beruang
MELAKA BANDAR BERSEJARAH

9. Pengarah

Jabatan Pendidikan Negeri Johor
Wisma Pendidikan
Jalan Tun Abdul Razak
80604 Johor Bahru
JOHOR DARUL TAKZIM

10. Pengarah

Jabatan Pendidikan Negeri Sabah
Wisma Jabatan Pendidikan Negeri Sabah
Jalan Punat Tanah, Likas
88450 Kota Kinabalu,
SABAH

11. Pengarah

Jabatan Pendidikan Sarawak
Jalan Diplomatik Off Jalan Bako
Petra Jaya 93050 Kuching,
SARAWAK

12. Pengarah

Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan
Aras 10, Blok 4,
Kompleks Ujana Kewangan,
Peti Surat 81097,
87020 WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

13. Pengarah

Jabatan Pendidikan Negeri Perak
Jalan Tun Abdul Razak
30640 Ipoh
PERAK DARUL RIZUAN

14. Pengarah

Jabatan Pendidikan Pulau Pinang
Jalan Bukit Gambir
11700 PULAU PINANG

15. Pengarah


Jabatan Pendidikan Negeri Kedah
Kompleks Pendidikan
Jalan Stadium
05604 Alor Setar
KEDAH DARUL AMAN

16. Pengarah

Jabatan Pendidikan Negeri Perlis
Jalan Tun Abdul Razak
01990 Kangar
PERLIS INDERA KAYANGAN

LAMPIRAN 1**Kumpulan PPP Bahasa Inggeris Menurut Tahap Penguasaan CEFR**

Kumpulan 1	Kumpulan 2
Kumpulan PPP Bahasa Inggeris Tahap Minimum CEFR C1	Kumpulan PPP Bahasa Inggeris Tahap CEFR C2
PPP bahasa Inggeris: (i) sekolah rendah; (ii) sekolah menengah; (iii) Tingkatan Enam; (iv) Kolej Matrikulasi; (v) Kolej Vokasional; dan (vi) <i>School Improvement Partners</i> (SIP).	PPP bahasa Inggeris: (i) Pensyarah Institut Pendidikan Guru (IPG), ELTC & Institut Aminuddin Baki (IAB); (ii) <i>School Improvement Specialist Coaches</i> (SISC+); (iii) JPN dan PPD/PPW; (iv) Bahagian Kementerian Pendidikan (yang menggunakan opsyen bahasa Inggeris secara langsung dalam menjalankan tugas rasmi).

CARTA ALIR CEFR-READINESS 2020

LAMPIRAN 3

**MAKLUMAT PEGAWAI YANG PERLU MENDUDUKI UJIAN TAHAP
PENGUASAAN BAHASA INGGERIS**

[illegible]

Soalan Lazim Pentaksiran Profisiensi Kesediaan CEFR-Readiness

No.	Soalan	Jawapan
1	Apakah ujian profisiensi kesediaan CEFR-Readiness?	Berdasarkan persetujuan KPM dengan kesatuan guru dalam Mesyuarat sesi pertemuan KPM dengan Kesatuan Guru berkenaan peningkatan kualiti BI dalam kalangan guru dan pensyarah Bahasa Inggeris pada 27.8.2019, ujian yang akan diduduki oleh PPP opsyen BI dinamakan sebagai CEFR-Readiness menggunakan format MUET dengan tujuan mengetahui tahap penguasaan bahasa Inggeris berdasarkan piawaian CEFR dalam kalangan PPP Opsyen BI. Ujian profisiensi kesediaan CEFR-Readiness ditawarkan secara one-off dan PERCUMA untuk semua PPP opsyen BI HANYA untuk pendaftaran NOVEMBER/DISEMBER 2019 SAHAJA. PPP opsyen BI yang tidak mencapai tahap penguasaan minimum CEFR C1 boleh ulang pentaksiran tersebut mengikut komponen (kemahiran pertuturan/ kemahiran mendengar/ kemahiran membaca/ kemahiran menulis) dengan pembiayaan sendiri. Ulangan dibenarkan bagi 1 hingga 3 komponen sahaja.
2	Siapa yang perlu menduduki ujian profisiensi kesediaan CEFR-Readiness?	• PPP opsyen BI yang tidak tahu tahap penguasaan Bahasa Inggeris berdasarkan CEFR. • PPP opsyen BI yang belum mencapai tahap penguasaan minimum CEFR C1 bagi Kumpulan 1 dan CEFR C2 bagi Kumpulan 2. • PPP bukan opsyen BI yang mengajar Bahasa Inggeris adalah digalakkan.
3	Mengapakah PPP opsyen BI perlu mencapai tahap penguasaan minimum CEFR C1 (Kumpulan 1) atau C2 (Kumpulan 2)?	PPP opsyen BI perlu berada pada satu tahap lebih tinggi daripada murid. Tahap CEFR bagi murid <i>Post- Secondary</i> adalah tahap CEFR B2. Tahap CEFR juga akan diambil kira bagi perkara berikut: • penempatan dan pelantikan PPP Opsyen BI baharu di sekolah (lepasan IPG dan UA); • pelantikan sebagai pemeriksa kertas peperiksaan awam; dan • permohonan tajaan pendidikan bagi bidang Bahasa Inggeris KPM.

4	Bagaimana PPP opsyen BI boleh memohon untuk ujian profisiensi kesediaan CEFR- <i>Readiness</i> ?	Pendaftaran boleh dibuat melalui portal MPM (www.mpm.edu.my) mengikut sesi yang ditetapkan.
5	Sekiranya PPP opsyen BI tidak menduduki ujian profisiensi kesediaan CEFR- <i>Readiness</i> pada tarikh yang ditetapkan, adakah mereka boleh menduduki pada masa yang akan datang?	PPP opsyen BI perlu menduduki ujian profisiensi kesediaan CEFR-<i>Readiness</i> mengikut kumpulan dan tarikh yang dipilih semasa pendaftaran. Ujian profisiensi kesediaan CEFR-<i>Readiness</i> ditawarkan SEKALI SAHAJA.
6	Sekiranya PPP opsyen BI yang menduduki ujian CEFR- <i>Readiness</i> Sesi 1 tidak mencapai tahap CEFR C1 atau C2 kerana satu, dua atau tiga komponen, adakah mereka perlu mengulang keseluruhan pentaksiran tersebut?	Ulangan mengikut komponen (kemahiran pertuturan/ kemahiran mendengar/ kemahiran membaca/ kemahiran menulis) dengan pembiayaan sendiri dibenarkan untuk ujian profisiensi kesediaan CEFR-<i>Readiness</i>. Ulangan dibenarkan bagi 1 hingga 3 komponen sahaja
7	Adakah ujian profisiensi kesediaan CEFR- <i>Readiness</i> ulangan masih percuma?	Terdapat bayaran bagi ujian profisiensi kesediaan CEFR- <i>Readiness</i> ulangan. Maklumat berkaitan ulangan CEFR- <i>Readiness</i> boleh dirujuk di portal MPM (www.mpm.edu.my).
8	Berapakah yuran yang perlu dibayar bagi ujian profisiensi kesediaan CEFR- <i>Readiness</i> sesi ulangan?	Bayaran bagi CEFR-<i>Readiness</i> sesi ulangan adalah seperti berikut: 1 komponen: RM50 2 komponen: RM75 3 komponen: RM100
9	Adakah keputusan ujian profisiensi kesediaan CEFR- <i>Readiness</i> mempunyai tempoh sah laku (<i>validity period</i>)?	Tiada tempoh sah laku (<i>validity period</i>) untuk keputusan ujian profisiensi kesediaan CEFR- <i>Readiness</i> .
10	Apakah ujian profisiensi lain yang boleh diduduki oleh PPP opsyen BI untuk mengetahui tahap	Ujian lain yang telah diwajibkan dengan CEFR adalah: • MUET • Aptis • IELTS • TOEFL

	penguasaan bahasa Inggeris masing-masing?	(Sila rujuk Surat Pekeliling Ikhtisas KPM Bil. 6 Tahun 2017). Tatacara permohonan dan pelaksanaan pentaksiran ini tertakluk kepada pembekal perkhidmatan yang berkaitan.
11	Adakah PPP opsyen BI dibenarkan mengambil ujian MUET selepas ujian profisiensi kesediaan CEFR- <i>Readiness</i> berakhir?	Ujian profisiensi kesediaan CEFR- <i>Readiness</i> adalah tawaran <i>one-off</i> sahaja. PPP opsyen BI dibenarkan mengambil ujian MUET jika masih belum mencapai tahap CEFR C1 atau C2.
12	Mengapakah PPP opsyen BI yang bertugas di bahagian-bahagian KPM perlu menduduki ujian profisiensi kesediaan CEFR- <i>Readiness</i> ?	Berdasarkan faktor penempatan pegawai di Bahagian KPM yang boleh ditempatkan semula di sekolah pada bila-bila masa.
13	Sekiranya ujian profisiensi kesediaan CEFR <i>Readiness</i> diadakan pada hari bekerja, adakah calon boleh mengambil Cuti Tanpa Rekod?	Calon boleh mengambil Cuti Tanpa Rekod. Namun, pengambilan Cuti Tanpa Rekod bagi menduduki ujian tersebut tertakluk kepada Perintah Am 44 & 57 Bab C atau Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9/1991.
14	Siapakah yang tidak perlu mendaftar dan menduduki ujian profisiensi kesediaan CEFR- <i>Readiness</i> ini?	PPP opsyen BI yang: • Telah berada pada tahap CEFR C1/C2 • mempunyai tempoh perkhidmatan 2 tahun sebelum bersara WAJIB dari 1.1.2020
15	Adakah PPP opsyen BI yang telah menghadiri Kursus Pro-ELT dan telah menduduki ujian lain sebelum ini tetapi belum mencapai tahap CEFR C1/C2 boleh mendaftar serta menduduki ujian profisiensi kesediaan CEFR- <i>Readiness</i> ini?	PPP opsyen BI yang telah menghadiri Kursus Pro-ELT dan telah menduduki ujian lain sebelum ini tetapi belum mencapai tahap CEFR C1/C2 BOLEH mendaftar serta menduduki pentaksiran profisiensi kesediaan CEFR- <i>Readiness</i> . PPP opsyen BI yang berada pada tahap CEFR C1 tidak dibenarkan menduduki ujian CEFR- <i>Readiness</i> .